

20/03/2002

Tiada cadangan beku harta milik bekas Pengerusi MAS

PUTRAJAYA, Selasa - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata bahawa beliau tidak tahu menahu mengenai sebarang cubaan membekukan wang milik bekas Pengerusi syarikat Penerbangan Malaysia (MAS), Tan Sri Tajudin Ramli iaitu hasil penjualan sahamnya dalam syarikat itu kepada kerajaan.

"Mengapa harus kita tahan...saya tidak tahu menahu mengenai sebarang usaha menyekat apa-apa juga yang beliau (Tajudin) patut dapat," kata Timbalan Perdana Menteri yang baru-baru ini memangku jawatan Menteri Kewangan.

Beliau menjawab pertanyaan seorang wartawan sebuah agensi berita asing dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan di pejabatnya di sini.

Abdullah berkata, amat malang sekali bagi Tajudin kerana banyak spekulasi mengenainya disebar atau dilaporkan.

Bagaimanapun katanya, polis belum selesai menjalankan siasatan berhubung dakwaan berlaku penyelewengan dalam pengurusan MAS

"Saya belum terima laporan mengenai siasatan itu. Ia masih dijalankan... kerana ia perlu lengkap. Polis tidak akan memberi maklumat berhubung siasatan itu sedikit demi sedikit kerana ini akan menimbulkan kekeliruan.

"Mereka tidak membayangkan tempoh masa yang mereka perlukan tapi mereka memberi tumpuan sepenuh mungkin terhadap kes itu," katanya.

Sementara itu, Abdullah berkata majoriti kakitangan awam sudah menandatangani dokumen Akujanji dan kerajaan setakat ini tidak mendapat sebarang bantahan kakitangan yang sudah menandatangani.

Katanya, sebahagian lagi kakitangan awam belum menandatangani akujanji itu kerana menunggu masa bagi mereka berbuat demikian sehingga tarikh akhir 31 Mac ini.

"Saya fikir semua kakitangan kerajaan akan menandatangani dokumen ini tanpa menimbulkan apa-apa masalah," katanya.

Semua 900,000 kakitangan awam dikehendaki menandatangani Akujanji itu sebagai tanda kesetiaan dan berkelakuan baik semasa menjalankan tugas. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan semua anggota kabinetnya turut menandatangani Akujanji itu.

Abdullah juga berkata bahawa aduan orang ramai terhadap kementerian dan jabatan kerajaan semakin berkurangan.

"Ini bermakna kita semakin berjaya dalam usaha untuk mendekati rakyat dan khidmat yang diberi sudah diperbaiki," katanya.

Abdullah berkata selain daripada Program Sehari Bersama Pelanggan yang dianjurkan oleh jabatan dan kementerian, penambahan kaunter untuk memberi khidmat kepada rakyat juga menyumbang kepada pengurangan aduan itu.

Orang ramai juga katanya, sudah mula menggunakan e-mel untuk mengemukakan aduan dan kaedah ini sedikit sebanyak menjimatkan masa pegawai yang meneliti aduan itu.

Selain itu katanya, Badan Pencegah Rasuah (BPR) menerima 226 aduan mengenai salah laku pegawai penguatkuasa undang-undang dan daripada aduan itu, 190 tangkapan dibuat.

"BPR sekarang mengambil tindakan terhadap penguatkuasa undang-undang seperti polis, pihak berkuasa tempatan, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Imigresen dan Jabatan Kastam Diraja dan kita rasa ini perlu kerana pegawai-pegawai penguat kuasa undang-undang perlu bersih dalam menjalankan kewajipan mereka," katanya.

(END)

